

UNSUR PENDIDIKAN MELALUI KONFLIK WANITA TRADISI DALAM SYAIR SITI ZUBAIDAH

ELEMENTS OF EDUCATION THROUGH TRADITIONAL WOMEN CONFLICTS IN SYAIR SITI ZUBAIDAH

Norazimah Zakaria¹
Mazarul Hasan Mohamad Hanapi²
Nordiana Hamzah³

¹Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
(Email: norazimah@fbk.upsi.edu.my)

²Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
(Email: mazarul@fpm.upsi.edu.my)

³Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
(Email: diana.azmi@fbk.upsi.edu.my)

Accepted date: 27-01-2019

Published date: 11-03-2019

To cite this document: Zakaria, N., Hanapi, M. H. M., & Hamzah, N. (2019). Unsur Pendidikan Melalui Konflik Wanita Tradisi dalam Syair Siti Zubaidah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 4(25), 110-121.

Abstrak: Makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti fungsi nilai yang terdapat dalam watak wanita melalui teks *Syair Siti Zubaidah*. Makalah ini juga menghuraikan bagaimana *Syair Siti Zubaidah* menampilkan konflik tentang wanita yang meletakkan wanita tradisi sebagai seorang yang berani serta keluar daripada nilai tradisi wanita-wanita sebelumnya. Makalah ini akan memanfaatkan pendekatan struktural dan sosiologikal. Pendekatan struktural melihat teks sebagai dunia kata-kata yang *autonomous* dan rujuk sendiri yang melihat teks sebagai dunia yang tertutup. Bacaannya memberi tumpuan kepada aspek-aspek intrinsik teks terutama yang difokuskan adalah aspek-aspek tema. Walaupun tertutup tetapi pendekatan struktural membenarkan teks dikaitkan dengan teks-teks lain “*does not look through and beyond the text but concentrates on matters of style, internal organization and cross reference to other literary works*” (Barthes, 1987). Analisis kontekstual pula bertitik tolak daripada pendekatan sosiologi sastera yang melihat sastera sebagai produk budaya “*art is a social product*” (Janet Wolff, 1979). Dalam *Syair Siti Zubaidah*, tema tentang wanita lebih berfokus kepada kebebasan wanita untuk berdikari, setia kepada suami sehingga menjadikannya wanita pejuang, bersaing seiring dengan lelaki dan berani memperjuangkan hak demi menuntut kebenaran. Peranan tokoh wanitanya adalah berlandaskan konteks zaman Islam yang sememangnya adalah agama pertama yang memberi emansipasi kepada golongan wanita. Syair ini adalah syair yang banyak memaparkan konflik-konflik yang dialami oleh watak wanitanya dan latar zaman yang

mempengaruhi perkembangan watak wanita ini menyebabkan sikap watak wanitanya amat berbeza dengan watak wanita zaman sebelumnya.

Kata Kunci: Syair, Wanita, Emansipasi Wanita, Sosiologi Sastera, Struktural

Abstract: *This paper aims to identify the function of values that are found in the female roles in Syair Siti Zubaidah text. This paper will elaborate how Syair Siti Zubaidah brings to fore the conflicts on women that position traditional women as those who are brave and go out from the previous traditional women values. This paper will also capitalise on the structural and sociological approaches. The structural theory views texts as an autonomous world of words as well as self-referral that sees texts as a closed world. The reading focuses on the text's intrinsic aspects, especially on the thematic aspects. Although being closed, the structural theory allows texts to be associated with other texts, as it "does not look through and beyond the text but concentrates on matters of style, internal organization and cross reference to other literary works" (Barthes, 1987). On the other hand, contextual analysis is derived from the literature sociology theory that sees literature as a product of culture, where Janet Wolfe (1979) stated that "art is a social product". In Syair Siti Zubaidah, the theme about women is more focused on the freedom of women to be self-reliant, be faithful to her spouse to the extent of making her be a female fighter, to be competitive with the men and dare to fight for the rights in the name of truth. The role of the female figure is based on the context of the Islamic era that undeniably is the earliest religion which gives emancipation to the women. This poetry features the conflicts experienced by the women characters and the background of the era that influenced the development of the roles of the women which causes the characteristics of the women to be very different from those before them.*

Keywords: Poetry, Women, Women Emancipation, Literature Sociology, Structural

Pengenalan

Syair Siti Zubaidah Perang China diselenggarakan oleh Abdul Mutalib Abdul Ghani (1991). Dalam bahagian awal teks ini beliau telah membuat analisis tentang syair tersebut dengan menggunakan pendekatan intrinsik sepenuhnya. Penulis telah memfokuskan kajian dengan melihat unsur tema, motif, plot, perwatakan dan latar. Beliau melihat Siti Zubaidah sebagai seorang wanita yang ideal sesuai dengan kehendak Islam. Siti Zubaidah digambarkan sebagai seorang wanita yang begitu sempurna kepada seorang lelaki dan juga bercita-cita untuk mengislamkan raja negeri China.

Karya ini dilihat sebagai sebuah karya Islam yang cuba berdakwah berkenaan imej wanita Islam yang memenuhi ciri-ciri wanita Islam dari segi moral dan tingkah lakunya. Walaupun begitu beliau tidak memberi perhatian yang mendalam terhadap tema tentang wanita yang mungkin berlainan sikapnya daripada Siti Zubaidah seperti yang dikehendaki oleh Islam dan perlakuan tingkah laku mereka. Pertentangan antara watak-watak ini dalam merebut kasih sayang akan mencetuskan suatu pengajaran kepada suami isteri dan Siti Zubaidah pula yang berperanan dalam menyelesaikan masalahnya atau konflik dengan madunya dan bukannya diselesaikan oleh Zainal Abidin sendiri sehingga dapat dirasakan, sekiranya Siti Zubaidah tidak bersikap merendah diri berkemungkinan besar konflik-konflik itu akan terus berlanjutan tambahan lagi apabila terdapatnya campurtangan ibu mertua. Bertitik tolak daripada ini maka wajarlah dilihat bagaimana pengarang mewajarkan pertembungan nilai itu berlaku bersesuaian dengan

kehendak konteks budaya dan zaman yang melatari syair tersebut berbanding syair-syair yang bertemakan wanita sebelumnya.

Kajian Lepas

Perbincangan tentang wanita telah dilakukan oleh (Wan Noor Hazizi, 2010; Rosnah Baharuddin, 2000; Siti Aisyah Murad, 1998) ciri-ciri karisma watak remaja feminin (Amer Hamzah B. L Kadir, 2009) konflik wanita (Yusrinawati Yusof, 2009). Wan Noor Hazizi membincangkan peranan wanita dalam teks *Sulalatus Salatin* dan beliau mendapati bahawa peranan wanita tersebut wajar diketengahkan dan perlu diserapkan kepada anak muda pada masa kini. Ia bagi menghargai perjuangan wanita pada masa lalu. (Rosnah Baharuddin, 2000; Siti Aisyah Murad, 1998) berfokus pada watak dan citra wanita yang terdapat dalam novel. Rosnah Baharuddin melihat imej wanita ini dari dimensi watak wanita progresif, merana, sabar dan mengalami keruntuhan moral. Kajian oleh Rosnah Baharuddin tentang wanita dalam masyarakat yang menjadi nadi kepada penggerak watak dalam karya A. Samad Said. Kajian oleh Yusrinawati Yusof (2009) berfokus kepada konflik wanita yang dialami oleh watak-watak wanita dalam novel *Hujan Sudah Teduh* karya Zaharah Nawawi. Justeru kebanyakan kajian lebih berfokus kepada citra, imej dan watak wanita. Hampir kesemuanya meneliti teks moden. Maka, kajian tentang nilai yang terdapat pada watak wanita dan dipengaruhi konteks zaman akan dibincangkan dalam makalah ini selanjutnya terutamanya dalam teks syair.

Metodologi Kajian

Makalah ini akan memanfaatkan pendekatan struktural dan sosiologikal. Pendekatan struktural melihat teks sebagai dunia kata-kata yang *autonomous* dan rujuk sendiri yang melihat teks sebagai dunia yang tertutup. Bacaannya memberi tumpuan kepada aspek-aspek intrinsik teks terutama yang difokuskan merupakan aspek-aspek tema. Walaupun tertutup tetapi pendekatan struktural membenarkan teks dikaitkan dengan teks-teks lain “*does not look through and beyond the text but concentrates on matters of style, internal organization and cross reference to other literary works*” (Barthes, 1987: 53). Pendekatan struktural dengan demikian membenarkan penerokaan aspek tema dan dibincangkan dengan membandingkannya dengan teks-teks lain. Unsur-unsur tema ini kemudiannya akan dihubungkan pula dengan konteks, sosio-budaya yang melatari teks tersebut. Pendekatan struktural dengan demikian dapat menampilkan aspek-aspek dalaman teks yang kemudiannya akan dihubungkan dengan luar melalui bacaan kontekstual.

Analisis kontekstual pula bertitik tolak daripada pendekatan sosiologi sastera yang melihat sastera sebagai produk budaya “*art is a social product*” (Janet Wolff, 1979: 1). Justeru ia bukan sahaja melahirkan atau mencerminkan dunia zamannya tetapi juga amat dipengaruhi dan ditentukan oleh zamannya “*the productions of the human mind, like those of animated nature, can only be explained by their milieu*” (H. Taine, 1875: 34). Menurutnya lagi, bahawa kesusasteraan itu dikatakan tidak wujud dalam *vacum*, ia bersandar kepada faktor masa, bangsa dan suasana.

Analisis

Wanita dan Budaya Islam

Islam boleh dikatakan tidak banyak mengubah struktur hubungan antara lelaki dan perempuan dalam masyarakat Melayu pramoden. Walau bagaimanapun agama tersebut juga tegas tentang sifat-sifat yang seharusnya ada pada seseorang wanita demi menjamin keperibadian yang lebih sempurna. Usaha ini agak ketara dalam hikayat-hikayat yang membicarakan nabi Muhammad

(s.a.w) dan yang memperkatakan wanita-wanita Islam yang rapat dengan Rasulullah seperti Siti Khadijah, Halimatus Saadiah dan Siti Aisyah. Menariknya tentang wanita-wanita ini bukanlah penyertaan aktif mereka dalam penyebaran agama Islam tetapi sifat-sifat murni yang dimiliki oleh mereka seperti sabar, taat setia, tabah menghadapi dugaan, tidak mementingkan diri sendiri dan sedia berkorban pada bila-bila masa. Sifat-sifat yang sama juga ditonjolkan dalam pengisahan cerita Siti Zubaidah dalam *Syair Siti Zubaidah* iaitu puteri kepada seorang ulama tempatan dan isteri kepada seorang Sultan.

Wanita Islam pada zaman Rasulullah s.a.w telah menikmati hak dan kebebasan mereka sebagaimana yang dianjurkan oleh Al-Qur'an. Al-Qur'an telah mengiktiraf hak wanita dan hak kemanusiaan wanita setaraf dengan kaum lelaki. Menurut Al-Qur'an, wanita dan juga lelaki telah dijadikan oleh Allah daripada unsur yang sama dan daripada jiwa yang satu (Al-Qur'an, 4:1).

Ajaran yang murni itu telah dapat diimplimentasikan oleh Rasulullah s.a.w dengan sebaiknya. Dengan itu wanita Islam dapat menikmati hak dirinya sebagai seorang individu masyarakat yang sama dengan individu lelaki. Praktis pada zaman Rasulullah s.a.w jelas membuktikan bahawa wanita Islam telah turut melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti hidup. Mereka terlibat secara langsung dalam pembangunan sosio-budaya, ekonomi dan politik negara dalam ertinya yang luas dengan keadaan dan suasana masyarakat Islam pada masa itu (Faisal Othman, 1993: 22).

Hak politik wanita telah diakui oleh Islam sebelum Hijrah lagi. Rasulullah s.a.w telah menerima sumpah setia atau bai'ah wanita Islam. Kemudian bai'ah itu diiktiraf oleh Al-Qur'an dalam surah *al-Mumtahanah* ayat 12 yang menyuruh nabi supaya terus menerima sumpah setia kaum wanita. Berdasarkan ayat tersebut, para ulama berpendapat bahawa wanita memang mempunyai hak politik dalam Islam. Atas kesedaran itulah Aisyah Ummul Mu'minin telah mengambil bahagian yang cergas dalam pentadbiran negara (Faisal Othman, 1993: 64). Atas kesedaran persamaan taraf antara lelaki dan wanita, maka peranan Siti Zubaidah dalam menangani hal pentadbiran negara tidak boleh dipertikaikan. Tugas membantu suaminya untuk menyelamatkan kerajaan Kembayat Negara daripada terus ditakluk negeri China adalah wajar.

Islam juga meletakkan kepercayaan kepada takdir sebagai satu daripada rukun iman yang enam. Ia juga menuntut penganutnya untuk beriman kepada Allah, malaikat-malaikat, rasul-rasul, kitab-kitab dan hari akhirat. Selain itu, Islam juga menuntut penganutnya untuk mempercayai bahawa buruk dan baik itu merupakan ketentuan daripada Allah kerana segalanya adalah dalam kekuasaan-Nya. Ia tidak bermaksud Islam mengajar kepada penyerahan diri secara membuta tuli, tetapi ia bermaksud dalam keterbukaan peluang untuk berusaha dengan rahmat berupa kesempurnaan tubuh badan dan pemberian akal budi yang biasanya ditentukan oleh hukum sebab musabab, seseorang masih tertakluk kepada ketentuan mutlak daripada Allah yang Maha Pencipta dan yang Maha Menguasai. Justeru menerima akan takdir adalah syarat bagi tauhid yang sempurna (Ali Ahmad, 2002: 62).

Walaupun Islam menjadikan kepercayaan kepada takdir itu sebagai satu daripada rukun iman namun ia memberi ruang yang luas untuk seseorang menjalankan tindakan. Seperti Bidasari dalam *Syair Bidasari* dan Ken Tambuhan dalam *Syair Ken Tambuhan* yang melihat wanita ini hanya berserah kepada takdir semata-mata tanpa berusaha merupakan suatu tindakan yang merugikan diri mereka. Dalam *Syair Siti Zubaidah*, Siti Zubaidah yang dimadukan dan tidak dilayani secara adil tetap berfikiran positif dengan bertindak keluar dari istana dan

menyamarkan diri, berusaha membantu akan suaminya Sultan Zainal Abidin yang telah ditawan di negeri China. Beliau bergabung tenaga dengan pihak-pihak lain untuk menyerang China dan akhirnya berjaya membebaskan Zainal Abidin daripada tawanan.

Contoh ini memberi gambaran bahawa kebaikan akhlak menarik kepada penentuan nasib yang baik, sesuai dengan tujuan moral karya-karya bercorak Islam dan yang penting diketengahkan ialah akhiran bagi naratif-naratif tersebut. Akhirannya biasanya berbentuk kemenangan bagi kebaikan (Ali Ahmad, 2002: 66) dan kemenangan inilah yang berpihak kepada Siti Zubaidah akhirnya.

Wanita dalam Syair Siti Zubaidah

Tema wanita pendekar telah membezakan syair ini dengan syair sebelumnya. Ia merubah stereotaip kedudukan wanita yang selama ini hanya dikatakan lemah dan bergantung hidup kepada lelaki. Melalui tema ini maka taraf dan kedudukan wanita telah diangkat bukan sahaja sebagai seorang isteri yang harus taat kepada suami malah turut menjadi penyelamat kepada keluarga dan kerajaan pimpinannya. Berdasarkan peranan wanita ini maka Islam jelas sekali telah meletakkan wanita di suatu tempat yang istimewa di samping suami, keluarga, masyarakat dan alam di sekelilingnya.

Walaupun cerita panji seperti *Hikayat Panji Semirang* turut memaparkan tema wanita perkasa namun ia dipaparkan dalam konteks yang berbeza. Perjuangan Panji Semirang adalah untuk mencari tunangnya manakala perjuangan Siti Zubaidah adalah untuk menyelamatkan suaminya.

Kelahiran Siti Zubaidah tidak diperincikan, namun perincian terhadap perwatakan telah diberikan. Ia dikatakan kuat beribadat, bersopan dan berbudi bahasa. Ia juga dikatakan mempunyai rupa paras yang istimewa (*Syair Siti Zubaidah*: 44):

Baik parasnya bukan kepalang,
tubuhnya seperti dewa di kayangan,
cahaya durja gilang gemilang,
jika ditentang roh melayang.

Jika dicari dengan makrifat,
cukup kepadanya syarat yang empat,
habis kepadanya sempurna sifat,
bandingannya sukar di dapat.

Kecantikan paras Siti Zubaidah yang diungkapkan “sedang sederhana” dilengkapkan oleh tujuh sifat melalui gambaran patuh kepada agama, lembut tutur bicara, iaitu diungkapkan sebagai “halus manis bunyi bermadah”, Lela Bestari atau bijaksana, dermawan, berhati mulia, mengutamakan jiwa iaitu peka serta menghargai perasaan dan sempurna berbakti. Ketujuh-tujuh sifat yang mendukung nilai-nilai rohaniah ini apabila melengkapi kecantikan lahiriah akan mewujudkan kehidupan “sebenar perempuan” seperti yang diungkapkan melalui impian dan penemuan Zainal Abidin (Dharmawijaya, 1937: 158):

Inilah rupanya perempuan sempurna,
sifatnya lengkap 7 laksana,
sukar dicari barang di mana,

parasnya elok sedang sederhana.

Tiadalah lagi aku mencari,
belayar segenap desa negeri,
sudah ditunjukkan Malikul-bari,
Siti Zubaidah lela bestari.

Syair Siti Zubaidah turut mengungkapkan tema yang sama seperti tema-tema cerita penglipurlara sebelumnya. Tema penganiayaan ini stereotaip seperti cerita-cerita sebelumnya seperti *Syair Ken Tambuhan* dan *Syair Bidasari*. Nasib Siti Zubaidah yang sama seperti Ken Tambuhan kerana didera oleh mertua mewujudkan keselarian di antara mereka. Penganiayaan yang berlaku kepada Siti Zubaidah oleh mertuanya tidak menjadikannya sebagai seorang wanita pasif seperti Bidasari dalam *Syair Bidasari* ataupun seperti Ken Tambuhan dalam *Syair Ken Tambuhan*. Siti Zubaidah tidak terus dianiayai kerana telah keluar dari istana dan berani mengembara untuk menyelamatkan suaminya. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 237):

Sedikit juga syak hatinya,
berperang tidak memberitahunya,
sebab dilarang oleh bondanya,
itupun hilang sudah di hatinya.

“Hampir mati kakanda nan gerang,
kerana sudah ditangkap orang,
tinggal patik dagang seorang,
apalah jadi gerangan sekarang”.

“Baiklah engkau puteri Cina,
kuturut juga barang ke mana,
biarlah aku sertanya fana,
bersama dengan raja yang fana”.

Tema penganiayaan dimasukkan oleh pengarang yang bertujuan untuk memperkasakan lagi watak Siti Zubaidah dan tema penganiayaan ini berbeza dengan *Syair Bidasari* sebelumnya yang melemahkan watak Bidasari kerana tidak berani bertindak untuk menyelamatkan diri sendiri serta pasif.

Walaupun penganiayaan turut berlaku kepada Siti Zubaidah oleh mertuanya namun tindakannya adalah berbeza dengan wanita sebelumnya yang langsung tidak bertindak apabila dianiaya malah hanya berserah kepada nasib. Walaupun begitu tindakan Siti Zubaidah keluar dari istana sebaik sahaja diketahui Zainal Abidin berada di medan perang menjadikan watak wanita ini berbeza dan yang berlaku kepada Siti Zubaidah adalah sebaliknya.

Siti Zubaidah dicerca oleh mertuanya kerana berasal daripada kalangan orang biasa. Beliau tidak layak untuk bersama Zainal Abidin. Justeru itu Siti Zubaidah bukan sahaja dipandang sepi selaku isteri pertama Zainal Abidin malah mertuanya telah melarang Zainal Abidin daripada mengunjunginya. Pandangan rendah ini diterimanya kerana wujudnya watak yang menjadi saingan iaitu puteri Sajah yang berasal dari istana Yaman. Watak ini dikatakan lebih setaraf buat Zainal Abidin kerana dia berdarah raja. Tegasnya, kehadiran watak saingan yang berasal dari istana inilah yang pada asalnya menerbitkan penganiayaan terhadap wirawati ini.

Kehadiran watak saingan inilah yang menyebabkan wirawati ini menerima penghinaan daripada mertuanya. Atas faktor penganiayaan inilah maka kita dapati kedudukan Siti Zubaidah sebagai isteri yang penyabar, setia dan tidak gentar walaupun ditindas telah membentuk dirinya menjadi seorang individu yang tidak mementingkan diri sendiri, berinisiatif, berani dan cekat mengharungi cabaran dalam hidup.

Sebenarnya penganiayaan yang diterima oleh Siti Zubaidah adalah disebabkan kekaburan tentang asal usulnya. Sememangnya Siti Zubaidah adalah daripada keturunan raja yang besar juga kerajaannya. Siti Zubaidah merupakan puteri dari kerajaan Iraquan Kastan. Tindakan mertuanya mengenyepikan kehadiranannya di istana Kembayat dihadapi dengan tenang, atas satu keyakinan pasti suatu ketika mertuanya akan insaf. Atas prinsip inilah maka ia tidak pernah meratapi ketidakhadiran suaminya. Atas keyakinan bahawa suaminya tetap menyintainya, keadaan itu diterima dengan penuh tabah.

Siti Zubaidah keluar mengembara kerana ingin menyelamatkan suaminya. Hal ini berbeza dengan cerita penglipurlara sebelumnya yang memperlihatkan pengembaraan berlaku disebabkan ingin mencari kekasih dan itu bukanlah suatu perhubungan yang sah sepertimana yang berlaku pada Siti Zubaidah. Perbezaan ini boleh dilihat dalam *Hikayat Panji Semirang*, Panji Semirang keluar mengembara kerana ingin mencari tunangnya Raden Inu Kertapati. Tunangnya itu ditemui di medan perang setelah berlaku pertempuran di antara rakyat Panji Semirang dengan orang-orang Kuripan. Perbuatan Panji Semirang yang mencari kekasihnya itu menunjukkan nilai moral yang rendah dalam sudut pandangan Islam. Dalam Islam, hanya percintaan (dalam konteks hubungan lelaki dan perempuan) di antara suami dan isteri sahaja yang dihalalkan. Maka wajarlah Siti Zubaidah melakukan suatu pengorbanan yang besar demi kecintaannya kepada suaminya.

Untuk memunculkan ketokohan Siti Zubaidah ini, maka Zainal Abidin dijadikan tokoh yang tidak berdaya oleh pengarang. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 163):

Demikian konon ceteranya itu,
permaisuri bencikan menantu,
puteranya tidak diberi ke situ,
mendapat Zubaidah dilarang tentu.

Kerana takut akan bondanya,
berbuat derhaka melalui titahnya,
diturutkan juga barang katanya,
tetapi sebal rasa hatinya.

Sikap pasif Zainal Abidin dapat dilihat dalam situasinya menangani masalah yang dihadapi Siti Zubaidah dengan ibu Zainal Abidin. Akibat takut dikatakan menderhaka, ia menurut segala perbuatan dan kehendak bondanya. Atas permintaan bondanya, Siti Zubaidah tidak dikunjungi walhal ia amat menyayangi isterinya itu. Ia bukanlah bertujuan untuk merendahkan martabat kaum lelaki tetapi yang dipentingkan dalam syair ini ialah dunia emansipasi wanita.

Pengarang meletakkan Zainal Abidin sebagai seorang anak raja yang tidak berpengalaman dalam peperangan. Zainal Abidin berkahwin dengan puteri Sajarah adalah melalui tipu helah yang dikenakan ke atas Raja Menggala. Walaupun pada awalnya Raja Menggala ingin menyerang kerajaan negeri Raja Yaman namun pengarang tidak meneruskan hasrat tersebut.

Peperangan itu dapat dielakkan apabila Zainal Abidin dan Raja Yaman berpakat untuk menipu Raja Menggala. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 113-125):

“Siapa mengalahkan Raja Menggala,
negeri Yaman terserah segala,
dijadikan dia raja ter’ala,
dibuat menantu ia nan pula.

Lalu menangis Raja Menggala,
mukanya merah bernyala-nyala,
menghempaskan cepiau dari kepala,
lalu seperti orang gila.

Setelah dilihat muda ketiga,
raja Menggala terlalu duka,
ia tersenyum sedikit juga,
hendak tertawa takutkan murka.

Bawa tahu isinya negeri,
tiada mati tuannya puteri,
sebab diperdayakan raja bestari,
Raja Menggala hendak diunduri.

Ketiadaan pengalaman berperang menyebabkan Zainal Abidin telah tewas di tangan puteri China. Kekalahan Zainal Abidin di tangan wanita terutamanya dalam peperangan dengan negeri China telah meletakkan watak Zainal Abidin sebagai seorang yang lemah. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 201):

“Malunya kita bukan sebarang,
masyurlah warta kepada orang,
orang perempuan datang berperang,
tidak terlawan kita nan gerang.

“sangatlah patik menanggung malu,
dikata orang hilir dan hulu,
Sultan Abidin takut terlalu,
orang perempuan datang memalu”.

Zainal Abidin dijadikan pasif oleh pengarang dalam syair ini dan ia berbeza dengan watak Raden Inu Kertapati dalam *Hikayat Panji Semirang*. Sememangnya ketokohan watak lelaki dalam cerita panji ataupun penglipurlara menuntut watak lelaki ini sebagai wira. Dalam *Hikayat Panji Semirang*, Raden Inu Kertapati tidak mudah tunduk dalam mempertahankan haknya dan telah keluar dari istana Daha setelah mendapati isterinya itu bukannya Galoh Cendera Kirana (yang menjadi tunangnya) tetapi sebaliknya Galoh Ajeng. Hal ini berbeza dengan Zainal Abidin yang tidak berjaya menyelamatkan negerinya daripada serangan musuh.

Zainal Abidin perlu diselamatkan oleh seorang wira yang lain. Ketokohan sifat keperwiraan ini terdapat pada diri Siti Zubaidah. Untuk menyelamatkan suaminya daripada tawanan puteri

negeri China, terlebih dahulu Siti Zubaidah memperlengkapkan dirinya dengan ilmu kepahlawanan. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 255):

Tidaklah hamba berbanyak peri,
pergilah sudah keduanya puteri,
diam bersama tuannya puteri,
belajar ilmu sehari-hari.

Beberapa ilmu gagah berani,
menyebut Isim Tuhan sejati,
diajarkan Syeikh dengan yakini,
terlalu suka usul yang seni.

Bagi memperlihatkan sifat keperkasaan Siti Zubaidah, pengarang telah memperincikan episod serangan ke atas China. Siti Zubaidah dimunculkan sebagai watak yang dapat mengalahkan ke tujuh-tujuh puteri China yang tidak terlawan oleh watak lain. Bagi watak-watak lain, umpamanya Zainal Abidin, puteri itu memang tangkas dan tidak berupaya untuk ditewaskan. Namun bagi Siti Zubaidah, untuk menewaskan mereka adalah sesuatu yang amat mudah sekali kecuali Kilan Syamsu. Contohnya (*Syair Siti Zubaidah*: 309):

Sultan Yunan lalulah berlawan,
Kilan Johan puteri pilihan,
terlalu manis barang kelakuan,
seperti kilat di dalam awan.

Lakunya pantas bukan kepalang,
menyalahkan palu tiada berselang,
Kilan Johar tangan dipegang,
dihempaskan ke bumi tunggang langgang.

Tindakan Siti Zubaidah yang berani mengangkat senjata walaupun dia seorang wanita adalah bukti kewiraannya. Ini memperlihatkan bahawa dia berani berdepan dengan musuh dan beradu senjata sebagaimana seharusnya seorang wira. Kepahlawanan Siti Zubaidah dalam mengalahkan musuh ini mengagumkan watak-watak lain yang turut sama berperang.

Kekaguman yang dilahirkan oleh watak ini telah sendirinya memperjelaskan betapa hebatnya Siti Zubaidah yang ketika itu bergelar Sultan Yunan. Kejayaannya dalam mengalahkan tentera China itu menjelaskan bahawa ia berkewibawaan untuk memimpin angkatan tentera dan wajar sekali diangkat sebagai wanita yang ideal. Siti Zubaidah tidak membenarkan suaminya terus menyertai perang kerana masih lemah dan pengarang telah meletakkan Siti Zubaidah sebagai watak pelindung kepada suaminya. Contoh di bawah menunjukkan Siti Zubaidah sebagai seorang wira yang kuat semangat dan berani (*Syair Siti Zubaidah*: 308):

Lalu bertitah sultan mengindera,
kepada sultan Kembayat Negara,
“Undurlah kakanda dengan segera,
biarlah beta ganti bermara”.
Sultan Abidin mendengar kata,
dilarang oleh sultan mahkota,

lalu undur raja yang pokta,
rasanya lemah sendi anggota.

Dalam *Syair Siti Zubaidah*, halangan dalam pengembaraan Siti Zubaidah ialah kerana dia seorang perempuan, oleh itu bersama-sama puteri Rokiah dia terpaksa menyamar sebagai lelaki untuk membolehkannya memegang senjata dan seterusnya berhadapan dengan rintangan lain yang berbahaya bagi wanita. Hal yang sama turut terjadi pada tokoh wanita yang bernama Siti Rafeah dalam *Syair Sultan Abdul Muluk*. Penyamaran sebagai lelaki perlu dalam proses menyelamatkan insan yang tersayang iaitu suami mereka. Sekiranya mereka tidak menyamar sebagai lelaki pastinya mereka masih berada dalam cengkaman kezaliman, ketidakadilan dan penderitaan.

Siti Zubaidah menyamar sebagai lelaki adalah untuk memudahkannya bertindak. Siti Zubaidah telah menuntut ilmu kepahlawanan dengan Tuan Sheikh (diikuti oleh watak pembantu iaitu puteri Rokiah). Siti Zubaidah amat handal dalam bermain senjata. Pihak lawan dapat dikalahkan dengan mudah sekali. Dalam masa sehari sahaja Siti Zubaidah telah dapat menawan China (*Syair Siti Zubaidah*: 318):

Bertambah pulak hairan hatinya,
Sultan Yaman sangat gagahnya,
sama sehari juga perangnya,
negeri China sudah didapatnya.

Alasan Siti Zubaidah menyamar sebagai lelaki adalah untuk mempermudah segala tindakan diambil dan demi menjamin keselamatannya. Di samping itu dengan menyamar sebagai lelaki, mereka telah mendapat kepercayaan dari rakyat setelah sesebuah negeri itu ditakluki. Setelah berjaya menawan Raja Maheran, Siti Zubaidah kemudiannya telah dilantik sebagai Sultan Yunan tanpa diketahui bahawa dia wanita. Kepatuhan dan ketaatan rakyat terhadap pemerintahannya menjelaskan bahawa ia juga berkelayakan menjadi pemimpin dan pemerintah. Ia dapat dibuktikan apabila rakyat Yunan memberikan sepenuh sokongan kepadanya untuk melakukan serangan ke atas China.

Kesimpulan

Dalam *Syair Siti Zubaidah*, Siti Zubaidah diperlihatkan sebagai wirawati yang “serba boleh”. Sejak ia diperkenalkan kepada audien hinggalah tamatnya cerita, Siti Zubaidah dimunculkan sebagai watak yang sentiasa bertindak sama ada untuk mengatasi penganiayaan ke atas dirinya ataupun orang lain. Tuntut bela ke atas negeri China membuktikan bahawa ia mampu bertindak ke atas orang perorangan dan juga negara seluruhnya. Sesungguhnya, segala tindakan yang diambil oleh watak ini dalam *Syair Siti Zubaidah* seluruhnya memperlihatkan ciri-ciri unggul seorang watak utama yang dimilikinya.

Daripada seorang gadis yang lemah lembut dan bersopan santun, Siti Zubaidah bertukar menjadi pahlawan yang sukar ditandingi. Dia akhirnya berjaya menyelamatkan suaminya daripada puteri China. Dasar cerita yang hampir sama turut ditemui dalam *Hikayat Maharaja Ali*, *Hikayat Qamaruz Zaman*, *Syair Abdul Muluk* dan *Syair Siti Zawiah*. Dalam syair-syair ini, puteri ini bertukar bentuk dengan menyamar sebagai perwira yang gagah berani dan dalam banyak contoh lebih berani daripada suami atau kekasih sendiri. Mereka keluar lepas bebas menjelajah beberapa negeri, berperang dan kemudian pulang semula ke negeri masing-masing menjadi permaisuri yang hidup bahagia di samping suami.

Rujukan

- Amer Hamzah B. L Kadir. (2009). Ciri Karisma Watak Remaja Feminisme dalam Novel-Novel Remaja Pilihan. Tanjong Malim: UPSI
- Ali Ahmad. (2002). "Takdir di dalam Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru" dlm Lalita Sinha (peny). Tradisi dan Modeniti. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Faisal Hj Othman. (1993). Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Abdul Mutalib Abdul Ghani (ed) (1991). Syair Siti Zubaidah Perang China. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Barthes. Roland. (1987). "Death of the Author" dlm P. Barry (Peny). Issues in Contemporary Critical Theories. London: Macmillan
- Dharmawijaya. (1937). Dunia Puisi dalam Penelitian dan Pengajaran. Shah Alam: Fajar Bakti
- H.Taine. (1875). Lectures on Art. New York: Ams Press
- Agus Salim. (1966). Tokoh Yang Kukoh. Singapura: Penerbitan Pustaka Nasional.
- Teeuw, A. (1974). "Sastera dalam Ketegangan antara Tradisi dan Pembaharuan" dalam Basis XXVII, 9, Jun
- Diana Laurenson & Alan Swingewood. (1972). The Sociology of Literature. London: Paladin Books
- Graham Hough. (1966). An Essay on Criticism. New York: Norton Library
- Hamzah Hamdani (peny). (1988). Konsep dan Pendekatan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan dan Pustaka
- Ismail Hussein. (1974). Study of Traditional Malay Literature with Special Bibliography. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ismail Hussein. (1978). Bibliografi Sastera Melayu Tradisi. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu
- Mukherjee, Radhakamal. (1951). The Social Function of Art. WestPort, Connecticut: Greenwood Press Publishers
- Norazimah Zakaria. (2016). Kanon Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Norazimah Zakaria, Abdul Halim Ali, Azhar Wahid & Ani Omar. (2018). "Sejarah Melayu sebagai Lambang Tradisi Akal Budi bangsa Yang Tinggi" dalam Jurnal Melayu Sedunia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. Vol. 1, Issue 1. Hlm: 191-209
- Norazimah Zakaria. (2015). "Model Wanita Kosmopolitan dalam Budaya Perdagangan Melalui Syair Sinyor Kosta" dlm Jurnal Pendeta. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 6. Hlm: 260-273
- Norazimah Zakaria. (2012). "Kepengarangan Hikayat Melayu dan Tuhfat Al-Nafis" dlm Jurnal Pendeta. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 3. Hlm: 116-138
- Norazimah Zakaria. (2014). "Bayangan Inses dalam Hikayat Raja Pasai" dlm Jurnal Pendeta. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 5. Hlm: 57-70
- Norazimah Zakaria. (2012) "Unsur Tipainduk dan Mitos dalam Teks Pilihan" dalam Jurnal Peradaban Melayu. Tanjong Malim Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Jilid 7. Hlm: 145-156
- Noriah Taslim. (1993). "Pengarang Istana dalam Sistem Sastera Tradisional" dalam Teoridan Kritikan Sastera Melayu Tradisional. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriah Taslim. (2006). Dunia Sahibul Hikayat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Plummer, Ken. (1997). "An invitation to a sociology of stories" dlm Studying Culture: An Introductory Reader oleh Ann Gray and Jim McGuigan (peny). London: Arnold

- Siti Hawa Salleh. (1997). Kesusasteraan Melayu Abad kesembilan Belas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Siti Aisyah Murad. (1998). Citra Wanita dalam Novel-novel Arena Wati. Kuala Lumpur: UM
- Wan Noor Hazizi Wan Talib. (2010). Menghayati Peranan Wanita dalam Teks Sulalatus Salatin. Tanjong Malim: UPSI
- Wolff, Janet. (1981). The Social Production of Art. London: The Maxmillan Press Ltd
- Yusrinawati Yusof. (2009). Konflik Wanita dalam Novel Hujan Sudah Teduh Karya Zaharah Nawawi. Tanjong Malim: UPSI